

DALAM MAHKAMAH SESYEN DI SHAH ALAM  
DALAM NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN  
SAMAN NO A52-43-05/2020

5

ANTARA

TETUAN FOO HUP SIONG & CO

PLAINTIF

10

DAN

SINAS TEKNIK SDN BHD (No Syarikat: 769061-D)

DEFENDEN

15

ALASAN KEPUTUSAN

20 Mahkamah ini pada 13.1.2021 membuat keputusan menolak permohonan Defenden untuk membatalkan saman dan penyata tuntutan Plaintiff dibawah Aturan 18 Kaedah 19 (1) (a) (b) (c) dan / atau (d) Kaedah-Kaedah Mahkamah (KKM) 2012 dengan kos.

PERMOHONAN DEFENDEN

25 Melalui Lampiran 33, Notis permohonan di bawah Aturan 18 Kaedah 19 KKM, defenden memohon untuk;

- Membatalkan saman dan penyata tuntutan Plaintiff
- Kos

ALASAN

30 Saman Plaintiff mengandungi maklumat salah dimana invois-invois yang dikemukakan adalah invois untuk syarikat lain dan bukan Defenden.



S/N LqtUKI42SEKF2Zo1TVPLSQ

\*\*Note : Serial number will be used to verify the originality of this document via eFILING portal

Plaintif ada berjanji untuk memberikan perkhidmatan guaman percuma kepada Defenden. Oleh itu Plaintif di estop dari menuntut bayaran yuran guaman.

#### DAPATAN MAHKAMAH

Berdasarkan affidavit serta hujahan yang dimasukkan.

- 35 Tuntutan Plaintif terhadap Defenden dalam tindakan ini adalah untuk bayaran guaman atas perkhidmatan yang diberikan Plaintif kepada Defenden.

Defenden dakwa beberapa Invois yang disenaraikan oleh Plaintif sebagai bayaran tertunggak oleh Defenden. Namun tiada butir-butir jelas dikemukakan berkenaan invois tersebut.

- 40 Invois-invois tersebut dialamatkan kepada syarikat lain dan Plaintif gagal menyatakan mengapa invois syarikat lain itu dihantar kepada Defenden dan mengapa Defenden perlu membayarnya.

Plaintif juga dikatakan gagal mengemukakan butiran apa yang dimaksudkan Defenden dan syarikat lain dibawah kumpulan yang sama. Dari 25 invois yang dikemukakan

- 45 hanya 8 yang dialamatkan kepada Defenden.

Defenden juga telah menunjukkan bahawa Defenden telah membuat bayaran sebanyak RM50,000 kepada Plaintif dan diakui terima melalui surat bertarikh 30.10.2017. Plaintif turut mengakui ada baki sebanyak RM36, 800 yang dipegang oleh Plaintif. Jika ada apa-apa bayaran tertunggak Plaintif sepatutnya menolak dari baki tersebut.

- 50 8 Invois yang dialamat kepada Defenden bersama syarikat Razmaju Beverages (RB) merupakan projek yang tidak melibatkan Defenden. Ia berkaitan dengan RB sahaja seperti dalam eksibit LCG-3.

Defenden juga mendakwa tindakan difailkan oleh Plaintif untuk mengalihkan Defenden dan menjejaskan reputasi Defenden dalam CTOS. Kedudukan kredit Defenden

- 55 terganggu dan menyukarkan Defenden meneruskan urusan niaga.

Plaintif sebaliknya mendakwa projek2-projek yang membabitkan syarikat-syarikat lain itu mempunyai hubungan langsung dengan Defenden dan kesemua syarikat adalah diarah dan dikawal oleh Lim Chong Guan. Invois-invois yang dihantar adalah bagi perkhidmatan guaman sejak 2017 dan diterima Defenden tanpa bantahan sehingga

- 60 tuntutan difailkan di Mahkamah.

Invois-invois ini diakui terima dan dicop oleh Defenden. Bayaran RM50,000 yang dibuat oleh Defenden itu menunjukkan perkhidmatan yang diberi bukan secara percuma



65 seperti didakwa. Defenden telah diberi peluang dan masa yang mencukupi untuk membangkitkan apa-apa bantahan berkaitan penerimaan bil-bil namun gagal berbuat demikian. Oleh itu tuntutan Plaintiff ke atas Defenden adalah betul.

Defenden juga telah membuat bayaran sebanyak RM26,464.23 kepada Plaintiff bagi perkhidmatan dan kerja guaman yang dibekalkan oleh Plaintiff seperti di eksibit FHS-5.

Bayaran RM50,000 yang dibuat oleh Defenden juga tidak mencukupi untuk menjelaskan semua kerja-kerja guaman yang diberikan kepada Defenden.

70 Prinsip undang-undang berkenaan pembatalan saman dibawah A18 K19 dinyatakan dengan jelas dalam kes BANDAR BUILDER SDN BHD V UNITED MALAYAN BANKING CORPORATION [1993] 3 MLJ 36. Hanya dalam kes yang jelas dan nyata saman akan dibatalkan.

75 Dalam permohonan ini, berdasarkan alegasi yang dibuat oleh pihak-pihak melalui affidavit masing-masing, Mahkamah mendapati Plaintiff mempunyai kausa tindakan yang munasabah terhadap Defenden yang perlu di dengar secara teratur. Isu yang dibangkitkan oleh Defenden perlu diputuskan melalui keterangan saksi bagi membuktikan dakwaan Defenden adalah benar. Plaintiff juga perlu buktikan samada dia berhak menuntut keseluruhan jumlah tunggakan seperti dalam invois-invois yang  
80 dikemukakan.

Oleh itu ia bukan kes yang jelas dan nyata dan keputusan Mahkamah menolak permohonan Defenden di lampiran 33 dengan kos RM3,000 adalah wajar.

BERTARIKH PADA 14 MAC 2021

85

- Nursinah Ademi-  
NURSINAH ADZMI

Hakim

Mahkamah Sesyen Shah Alam

90

95



S/N LqtUKI42SEKF2Zo1TVPLSQ

\*\*Note : Serial number will be used to verify the originality of this document via eFILING portal

**PIHAK-PIHAK**

**PEGUAMCARA PLAINTIF**

**Tetuan Valarie Chong & Co**

**Esther Yong Zhen Ying, Khoo May Yee**

**100 PEGUAMCARA DEFENDEN**

**Tetuan Nik & Foong**

**Nik Ahmed Ashraf**

**105**



S/N LqtUKI42SEKF2Zo1TVPLSQ

\*\*Note : Serial number will be used to verify the originality of this document via eFILING portal